



11 September 2015
11 September 2015
P.U. (A) 210

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (SKIM OMBUDSMAN KEWANGAN) 2015

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (FINANCIAL OMBUDSMAN SCHEME) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM
(SKIM OMBUDSMAN KEWANGAN) 2015

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Anggota skim ombudsman kewangan yang diluluskan
4. Kelulusan skim ombudsman kewangan
5. Obligasi pengendali skim
6. Penarikan balik atau penggantungan kelulusan
7. Terma rujukan skim ombudsman kewangan yang diluluskan
8. Pelantikan ahli lembaga pengarah pengendali skim
9. Komposisi lembaga pengarah pengendali skim
10. Tanggungjawab lembaga pengarah pengendali skim
11. Kewajipan memberitahu Bank
12. Kewajipan mengemukakan laporan kepada Bank
13. Penyiaran maklumat
14. Pindaan kepada dokumen konstituen
15. Kerahsiaan
16. Arahan kepada pengendali skim
17. Kerjasama dengan badan penyelesaian pertikaian lain
18. Award
19. Semakan bebas ke atas skim ombudsman kewangan yang diluluskan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM
(SKIM OMBUDSMAN KEWANGAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 271 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Skim Ombudsman Kewangan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 14 September 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini —

“anggota” ertinya suatu anggota skim ombudsman kewangan yang diluluskan;

“ombudsman” ertinya pegawai pengendali skim yang dilantik oleh lembaga pengarah pengendali skim untuk mengadjudikasi pertikaian yang dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan;

“pengendali skim” ertinya suatu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang mengendalikan atau bercadang untuk mengendalikan skim ombudsman kewangan yang diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pertikaian” ertinya suatu pertikaian antara pengadu yang layak dengan penyedia perkhidmatan kewangan berkenaan dengan perkhidmatan atau produk kewangan yang boleh dirujuk kepada suatu skim ombudsman kewangan yang diluluskan sebagaimana yang dinyatakan dalam terma rujukan yang diluluskan;

“skim ombudsman kewangan yang diluluskan” ertinya skim ombudsman kewangan yang diluluskan oleh Bank di bawah subseksyen 138(2) Akta;

“terma rujukan yang diluluskan” ertinya terma rujukan yang diluluskan oleh Bank di bawah peraturan 7.

Anggota skim ombudsman kewangan yang diluluskan

3. (1) Penyedia perkhidmatan kewangan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah menjadi anggota.

(2) Keanggotaan hendaklah mula berkuat kuasa pada apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(3) Anggota hendaklah, pada setiap masa, mematuhi terma keanggotaan skim ombudsman kewangan yang diluluskan sebagaimana yang dinyatakan dalam terma rujukan yang diluluskan.

Kelulusan skim ombudsman kewangan

4. (1) Bank hendaklah mengambil kira perkara yang berikut dalam meluluskan suatu skim ombudsman kewangan:

- (a) pengendali skim mempunyai kebolehan untuk mengendalikan skim ombudsman kewangan dengan cara yang adil dan tepat pada masa, termasuk mempunyai pegawai yang berkecualan, berpengalaman dan berkepakaran dalam menyelesaikan pertikaian;
- (b) lembaga pengarah pengendali skim terdiri daripada orang yang memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

- (c) rangka kerja tadbir urus pengendali skim dan skim ombudsman kewangan dinyatakan dan didokumenkan dengan jelas, termasuk —
 - (i) perkiraan organisasi yang memperuntukkan mengenai pengasingan tugas dan kawalan dalaman untuk memastikan kebebasan pengendali skim dan mengurangkan risiko salah urus atau amalan salah; dan
 - (ii) kod amalan yang berhubungan dengan pelakuan pegawai pengendali skim;
- (d) terma rujukan yang dicadangkan adalah mengikut subperaturan 7(2) dan telus;
- (e) pengendali skim mempunyai sumber yang mencukupi, termasuk sumber kewangan dan sumber manusia, bagi menjalankan fungsi dan kewajipannya secara berkesan;
- (f) skim ombudsman kewangan dikendalikan mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahaksesan, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan; dan
- (g) apa-apa perkara lain yang Bank berpendapat adalah berkaitan, termasuk sama ada kelulusan itu adalah demi kepentingan pembangunan sistem kewangan di Malaysia.

(2) Bank hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas meluluskan skim ombudsman kewangan di bawah subseksyen 138(2) Akta, memaklumkan nama pengendali skim dan tarikh permulaan operasinya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Bank.

Obligasi pengendali skim

5. (1) Pengendali skim hendaklah pada setiap masa mengendalikan skim ombudsman kewangan yang diluluskan mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahan akses, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan.

(2) Tanpa mengehadkan keluasan subperaturan (1), pengendali skim hendaklah —

- (a) memastikan proses membuat keputusan pertikaian adalah bebas, adil dan saksama;
- (b) menyediakan akses yang mudah dan pada kadar yang berpatutan kepada perkhidmatannya;
- (c) menyenggara tatacara pengendalian skim ombudsman kewangan yang diluluskan yang mudah difahami, jelas dan telus;
- (d) memaklumkan keputusan pertikaian dan alasan bagi keputusan itu secara bertulis kepada pengadu yang layak dan anggota; dan
- (e) menyiarkan maklumat mengenai perkhidmatannya secara berkala bagi mewujudkan kesedaran awam tentang perkhidmatannya.

Penarikan balik atau penggantungan kelulusan

6. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Bank boleh menarik balik atau menggantung kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 138(2) Akta sekiranya —

- (a) pengendali skim gagal memulakan operasi dalam masa enam bulan dari tarikh kelulusan;
- (b) Bank berpuas hati bahawa pengendali skim telah terhenti daripada melaksanakan atau tidak berupaya untuk melaksanakan fungsi dan kewajipannya sebagai pengendali skim;

- (c) pengendali skim telah memberikan kepada Bank dokumen atau maklumat yang palsu, mengelirukan, tidak tepat atau tidak lengkap dalam butir material;
- (d) pengendali skim telah memungkirkan atau melanggar mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini;
- (e) Bank berpendapat bahawa—
 - (i) pengendali skim tidak bertindak secara jujur; atau
 - (ii) skim ombudsman kewangan yang diluluskan dikendalikan dengan cara yang, atau yang berkemungkinan akan, bertentangan dengan kepentingan orang awam atau tidak selaras dengan dokumen konstituennya; atau
- (f) pengendali skim sedang atau berkemungkinan untuk digulungkan atau dibubarkan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Bank hendaklah, melalui suatu notis bertulis, memberikan pengendali skim suatu peluang yang munasabah untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(3) Tiada apa-apa pun dalam subperaturan (1) boleh menghalang Bank daripada mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang boleh diambil olehnya di bawah Akta.

Terma rujukan skim ombudsman kewangan yang diluluskan

7. (1) Terma rujukan skim ombudsman kewangan yang diluluskan hendaklah tertakluk kepada kelulusan Bank.

(2) Kandungan terma rujukan hendaklah termasuk—

(a) terma keanggotaan skim ombudsman kewangan yang diluluskan termasuk—

- (i) tatacara keanggotaan, termasuk hal keadaan yang keanggotaan terhenti;
- (ii) fi langganan dan fi atau caj lain yang kena dibayar oleh anggota atau mana-mana kelas anggota, termasuk fi berlainan yang boleh dikenakan ke atas kelas anggota yang berlainan;
- (iii) tatacara dan tempoh masa bagi anggota memberikan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud penyelesaian pertikaian yang dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan;
- (iv) tatacara dan tempoh masa bagi anggota mematuhi apa-apa award yang diberikan di bawah skim ombudsman kewangan yang diluluskan; dan
- (v) tatacara bagi memastikan pematuhan kepada terma keanggotaan jika berlaku apa-apa kemungkiran terhadap terma keanggotaan;

(b) jenis pertikaian yang boleh dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan;

(c) kategori pengadu yang layak;

- (d) jenis award yang boleh diberi berkenaan dengan suatu pertikaian;
- (e) tatacara dan tempoh masa bagi suatu pertikaian dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan;
- (f) hal keadaan yang suatu pertikaian boleh enggan diterima atau ditolak;
- (g) hal keadaan dan tempoh masa bagi pengantaraan atau adjudikasi suatu pertikaian di bawah skim ombudsman kewangan yang diluluskan; dan
- (h) tatacara bagi memastikan pengadu yang layak dan anggota mematuhi pada setiap masa kewajipan kerahsiaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 15.

(3) Pengendali skim hendaklah mengendalikan skim ombudsman kewangan yang diluluskan mengikut terma rujukan yang diluluskan.

(4) Tiada pindaan kepada terma rujukan yang diluluskan boleh dibuat tanpa—

- (a) rundingan terdahulu dengan anggota; dan
- (b) kelulusan bertulis terdahulu Bank.

(5) Pengendali skim hendaklah menyiarkan terma rujukan yang diluluskan dan apa-apa pindaan kepada terma rujukan yang diluluskan itu di laman sesawang pengendali skim atau dalam apa-apa bentuk dan cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Pelantikan ahli lembaga pengarah pengendali skim

8. (1) Pengendali skim tidak boleh melantik mana-mana orang sebagai ahli lembaga pengarahnya melainkan —

(a) kelulusan bertulis terdahulu Bank telah diperoleh; dan

(b) orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Seseorang ahli lembaga pengarah pengendali skim hendaklah, pada setiap masa, memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Pengendali skim hendaklah dengan serta-merta menamatkan pelantikan ahli lembaga pengarah yang tidak lagi memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Jika suatu perkara berbangkit sama ada seseorang ahli lembaga pengarah mematuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Bank hendaklah mempunyai budi bicara penuh untuk memutuskan persoalan itu.

Komposisi lembaga pengarah pengendali skim

9. (1) Lembaga pengarah pengendali skim hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tujuh tetapi tidak lebih daripada sebelas ahli pada setiap masa, setara dengan jenis dan ruang lingkup operasi skim ombudsman kewangan yang diluluskan.

(2) Pengerusi lembaga pengarah pengendali skim hendaklah dinamakan oleh lembaga pengarah pengendali skim.

- (3) Pengerusi dan majoriti ahli lembaga pengarah pengendali skim —
- (a) hendaklah bukan dalam pekerjaan atau perkhidmatan yang aktif bagi mana-mana anggota; dan
 - (b) hendaklah tidak mempunyai apa-apa kepentingan ketara dalam mana-mana anggota.

Tanggungjawab lembaga pengarah pengendali skim

10. (1) Lembaga pengarah pengendali skim hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengawasan pengendalian skim ombudsman kewangan yang diluluskan.

(2) Tanpa mengehadkan keluasan subperaturan (1), tanggungjawab lembaga pengarah pengendali skim hendaklah termasuk —

- (a) memastikan bahawa hala tuju strategik, polisi dan objektif skim ombudsman kewangan yang diluluskan adalah selaras dengan dokumen konstituennya;
- (b) mengawasi tatacara dalaman bagi memastikan skim ombudsman kewangan yang diluluskan dikendalikan mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahan akses, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan;
- (c) memastikan bahawa kedudukan kewangan pengendali skim adalah kukuh dengan menyelia suatu strategi pendanaan yang wajar dan meluluskan bajet;
- (d) memastikan bahawa pelantikan dan pemecatan ombudsman dibuat mengikut dokumen konstituennya;

- (e) memastikan kecukupan sumber dan infrastruktur yang kompeten bagi membolehkan pengendalian skim ombudsman kewangan yang diluluskan lancar dan berkesan;
- (f) sentiasa menyemak kecekapan dan keberkesanan skim ombudsman kewangan yang diluluskan;
- (g) memastikan pengendalian skim ombudsman kewangan yang diluluskan adalah mematuhi Akta dan Peraturan-Peraturan ini; dan
- (h) menyediakan tatacara bagi mengenal pasti dan mempertimbangkan perkara yang boleh bersifat sistemik bagi tujuan perenggan 12(3)(a).

(3) Lembaga pengarah pengendali skim hendaklah pada setiap masa bertindak demi kepentingan terbaik skim ombudsman kewangan yang diluluskan.

(4) Lembaga pengarah pengendali skim tidak boleh terlibat dalam pengendalian apa-apa pertikaian termasuk dalam membuat keputusan pertikaian.

Kewajipan memberitahu Bank

11. Pengendali skim hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank—

- (a) tentang apa-apa perkara yang boleh menjejaskan keupayaannya untuk menjalankan fungsi dan kewajipannya secara berkesan di bawah mana-mana peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini, dokumen konstituennya atau terma rujukan yang diluluskan; dan

(b) sekiranya anggota —

- (i) gagal untuk mematuhi terma keanggotaan skim ombudsman kewangan yang diluluskan, termasuk kegagalan untuk membayar apa-apa fi atau caj yang kena dibayar oleh anggota itu di bawah terma keanggotaan itu; atau
- (ii) gagal untuk mematuhi subseksyen 138(4) Akta.

Kewajipan mengemukakan laporan kepada Bank

12. (1) Pengendali skim hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangannya, mengemukakan kepada Bank suatu laporan mengenai aktiviti dan operasinya yang dijalankan dalam tahun kewangan itu.

(2) Laporan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah termasuk —

- (a) jumlah pertikaian yang dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan;
- (b) perihalan tentang jenis pertikaian yang dirujuk dan award yang diberikan;
- (c) akaun tahunan pengendali skim yang telah diaudit; dan
- (d) apa-apa dokumen atau maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

(3) Pengendali skim hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, melaporkan kepada Bank —

- (a) apa-apa perkara yang boleh bersifat sistemik yang berbangkit daripada pengendalian skim ombudsman kewangan yang diluluskan; dan
- (b) sekiranya pengendali skim mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana anggota terlibat dalam apa-apa salah laku yang serius.

Penyiaran maklumat

13. (1) Pengendali skim hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menyiarkan dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkannya sesuai bagi maksud memberitahu anggota atau orang awam —

- (a) maklumat mengenai aktiviti dan operasinya yang dijalankan setiap tahun, termasuk akaun tahunannya yang telah diaudit;
- (b) maklumat mengenai keputusan pertikaian yang bersifat material termasuk alasan bagi keputusan itu, dengan syarat bahawa maklumat yang disiarkan itu tidak dengan apa-apa cara membolehkan identiti mana-mana pengadu yang layak atau anggota ditentukan daripadanya; dan
- (c) senarai nama anggota dan apa-apa pindaan kepada senarai itu;

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pengendali skim hendaklah menyiarkan apa-apa dokumen atau maklumat lain dalam apa-apa bentuk dan cara, dan dalam apa-apa tempoh masa, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Pindaan kepada dokumen konstituen

14. Pengendali skim tidak boleh membuat apa-apa pindaan kepada dokumen konstituennya tanpa kelulusan bertulis terdahulu Bank.

Kerahsiaan

15. Tiada seorang pun, termasuk ahli lembaga pengarah dan pegawai pengendali skim, termasuk ombudsman, yang mempunyai akses kepada apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan apa-apa pertikaian yang dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan, boleh mendedahkan dokumen atau maklumat itu kepada mana-mana orang melainkan —

- (a) dengan kebenaran pengadu yang layak atau anggota, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) jika dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, atau oleh mana-mana mahkamah.

Arahan kepada pengendali skim

16. (1) Bank boleh memberi apa-apa arahan secara bertulis kepada pengendali skim, sama ada secara am atau khusus, sekiranya Bank berpendapat adalah perlu bagi —

- (a) memastikan bahawa skim ombudsman kewangan yang diluluskan dikendalikan mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahan akses, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan;
- (b) memastikan keberkesanan pentadbiran dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan ini; atau

- (c) memastikan pematuhan apa-apa kehendak, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Bank ke atas pengendali skim menurut Akta atau Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengendali skim hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1).

Kerjasama dengan badan penyelesaian pertikaian lain

17. (1) Bagi maksud penunaian fungsi dan kewajipannya di bawah Peraturan-Peraturan ini, pengendali skim boleh, sebagaimana yang ia berpendapat perlu bagi maksud penyelesaian pertikaian, membuat perkiraan untuk bekerjasama dengan mana-mana badan penyelesaian pertikaian lain, termasuk untuk mendapatkan atau berkongsi apa-apa dokumen atau maklumat dengan badan penyelesaian pertikaian itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pendedahan apa-apa dokumen atau maklumat yang bersifat rahsia kepada badan penyelesaian pertikaian lain adalah tertakluk kepada peraturan 15.

Award

18. (1) Apa-apa award yang diberikan di bawah suatu skim ombudsman kewangan yang diluluskan dan disetuju terima oleh pengadu yang layak hendaklah mengikat anggota.

(2) Award yang diberikan boleh termasuk —

- (a) award monetari dalam apa-apa amaun sebagaimana yang ombudsman berpendapat adalah pampasan yang adil bagi apa-apa kerugian tertakluk kepada had monetari sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

- (b)* suatu arahan yang menghendaki anggota mengambil langkah-langkah tertentu berhubung dengan suatu pertikaian sebagaimana yang ombudsman berpendapat adalah wajar;
- (c)* suatu arahan yang menghendaki anggota membayar balik kos sebenar yang ditanggung oleh pengadu yang layak berhubung dengan pertikaian, tertakluk kepada had sebagaimana yang dinyatakan dalam terma rujukan yang diluluskan; atau
- (d)* apa-apa perkara lain sebagaimana yang diputuskan oleh ombudsman tertakluk kepada terma rujukan yang diluluskan.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), award monetari itu hendaklah didapatkan mengikut tatacara sebagaimana yang dinyatakan dalam terma rujukan yang diluluskan.

(4) Suatu pertikaian yang melibatkan tuntutan monetari yang melebihi had monetari sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga boleh dirujuk kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan jika pengendali skim, pengadu yang layak dan anggota yang terlibat dalam pertikaian itu bersetuju —

- (a)* untuk merujuk pertikaian itu kepada skim ombudsman kewangan yang diluluskan; dan
- (b)* bahawa award monetari boleh melebihi had monetari sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Semakan bebas ke atas skim ombudsman kewangan yang diluluskan

19. (1) Pengendali skim hendaklah melantik suatu pihak bebas yang mempunyai kepakaran yang berkaitan untuk menjalankan suatu semakan bebas ke atas skim ombudsman kewangan yang diluluskan, yang hendaklah termasuk suatu penilaian kualitatif dan kuantitatif ke atas pelaksanaan skim ombudsman kewangan yang

diluluskan, tiga tahun dari tarikh permulaan operasinya dan kemudiannya, sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun.

(2) Pengendali skim hendaklah berunding dengan Bank mengenai ruang lingkup semakan bebas dan terma pelantikan penyemak bebas.

(3) Pengendali skim hendaklah —

(a) bekerjasama dengan penyemak bebas dan memberikan akses kepada semua dokumen dan maklumat yang diminta; dan

(b) menanggung kos dan perbelanjaan bagi semakan bebas itu.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), Bank boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya suatu semakan bebas dijalankan atau mengarahkan supaya ruang lingkup semakan bebas itu diperluas.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

ANGGOTA

1. Bank Islam berlesen
2. Broker takaful yang diluluskan
3. Penasihat kewangan Islam yang diluluskan
4. Pengeluar instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan yang diluluskan
5. Pengendali takaful berlesen (tidak termasuk pengendali takaful semula profesional)

JADUAL KEDUA

[Perenggan 4(1)(b) dan peraturan 8]

KRITERIA LAYAK DAN SESUAI

Dalam menilai kelayakan dan kesesuaian seseorang sebagai ahli lembaga pengarah pengendali skim, kriteria yang berikut hendaklah dipertimbangkan secara individu dan kolektif, dengan mengambil kira kepentingan relatif masing-masing:

(a) Kejujuran, integriti dan reputasi

- (i) sama ada orang itu sedang atau pernah tertakluk kepada apa-apa prosiding yang bersifat disiplin atau jenayah, atau telah diberitahu tentang apa-apa penyiasatan yang dijangka akan dibuat yang mungkin akan membawa kepada prosiding itu;
- (ii) sama ada orang itu pernah melanggar mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang bertujuan untuk melindungi orang awam daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, ketidakcekan atau amalan salah;

- (iii) sama ada orang itu pernah melanggar mana-mana kehendak, standard atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan, suatu pihak berkuasa pengawalseliaan atau badan profesional;
- (iv) sama ada orang itu atau apa-apa perniagaan yang dia mempunyai kepentingan mengawal atau pengaruh yang ketara, pernah disiasat, didisiplinkan, digantung atau dicela oleh suatu pihak berkuasa pengawalseliaan, badan profesional, mahkamah atau tribunal, sama ada secara terbuka atau secara peribadi;
- (v) sama ada orang itu pernah terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang memperdaya, menindas atau tidak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak), atau mencemarkan pelakuan profesionalnya;
- (vi) sama ada orang itu pernah dibuang kerja, diminta untuk meletak jawatan atau telah meletak jawatan daripada pekerjaan atau daripada jawatan beramanah, pelantikan fidusiari atau jawatan yang serupa disebabkan kejujuran dan integritinya dipersoalkan;
- (vii) sama ada orang itu pernah dikaitkan, atas sifat pemunyaan atau pengurusan, dengan sebuah syarikat, perkongsian atau persatuan perniagaan lain yang telah ditolak pendaftaran, kebenaran, keanggotaan atau lesen untuk menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion, atau yang pendaftaran, kebenaran, keanggotaan atau lesen untuk menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (viii) sama ada orang itu pernah memegang suatu jawatan yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan suatu perniagaan yang, semasa tempoh jawatannya, diletakkan di bawah penerimaan, ketidaksolvenan atau likuidasi tidak sukarela;

- (ix) sama ada orang itu pernah menjadi pengarah atau terlibat secara langsung dalam pengurusan apa-apa perbadanan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang sedang atau telah digulung;
- (x) sama ada orang itu pernah menjadi pengarah atau terlibat secara langsung dalam pengurusan mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang lesen, kelulusan atau pendaftarannya telah dibatalkan;
- (xi) sama ada orang itu pernah bertindak secara tidak adil atau tidak jujur dalam urusannya dengan pelanggan, majikan, juruaudit atau pihak berkuasa pengawalseliaan;
- (xii) sama ada orang itu pernah, pada bila-bila masa, menunjukkan bantahan keras atau keengganan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang menyebabkan berlakunya kegagalan atau kemungkinan berlakunya kegagalan untuk mematuhi kehendak atau standard undang-undang, pengawalseliaan atau profesional;
- (xiii) sama ada orang itu pernah menyumbang secara ketara kepada kegagalan suatu organisasi atau unit perniagaan;
- (xiv) sama ada orang itu pernah, pada bila-bila masa, menunjukkan bantahan keras atau tiada kesediaan untuk menyenggara sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang berkesan;
- (xv) sama ada orang itu pernah terlibat dalam apa-apa perkara yang boleh secara material menimbulkan percanggahan kepentingan atau mengganggu pelaksanaan pertimbangannya apabila bertindak atas sifat seorang ahli lembaga pengarah;

- (xvi) sama ada orang itu pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keganasan; dan
- (xvii) sama ada orang itu pernah terlibat, dikaitkan dengan atau bertindak dengan cara yang mungkin mendatangkan keraguan tentang kelayakan, kecekapan dan kewajaran pertimbangannya.

(b) Kecekapan dan kebolehan

- (i) sama ada orang itu mempunyai kelayakan, kecekapan, latihan, kemahiran, pengalaman praktikal dan komitmen yang sesuai untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab jawatan itu dengan berkesan;
- (ii) sama ada orang itu menitikberatkan amalan tadbir urus yang wajar, mempunyai pengalaman atau pengetahuan yang luas tentang isu perlindungan pengguna atau perkhidmatan kewangan, dan berkebolehan untuk memberi perspektif yang objektif tentang isu kepenggunaan dan kepentingan awam;
- (iii) sama ada orang itu mempunyai prestasi terdahulu, kepakaran atau kecekapan yang memuaskan dalam jenis perniagaan yang dijalankan;
- (iv) sama ada orang itu mempunyai pengalaman dalam membuat keputusan strategik dan tadbir urus peringkat lembaga pengarah; dan
- (v) sama ada orang itu mempunyai latar belakang dalam, atau pemahaman tentang, undang-undang, kewangan, audit dan perakaunan, isu kepenggunaan, polisi Kerajaan dan polisi awam.

(c) Integriti kewangan

- (i) sama ada orang itu berupaya untuk memenuhi obligasi kewangannya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, apabila obligasi itu menjadi kena dibayar;
- (ii) sama ada orang itu pernah menjadi subjek hutang penghakiman yang belum ditunaikan, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, dan sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (iii) sama ada orang itu telah diisytiharkan, dan belum dilepaskan sebagai, seorang bankrap.

JADUAL KETIGA

[Peraturan 18]

HAD MONETARI

<i>Bil.</i>	<i>Jenis pertikaian</i>	<i>Had monetari</i>
1.	Pertikaian yang melibatkan perkhidmatan atau produk kewangan Islam yang dibangunkan, ditawarkan atau dipasarkan oleh anggota, atau oleh anggota bagi atau bagi pihak orang lain, selain pertikaian di bawah perenggan 2 dan 3.	RM250,000.00
2.	Pertikaian mengenai kerosakan harta benda pihak ketiga bagi motor.	RM10,000.00
3.	Suatu pertikaian mengenai — <i>(a)</i> transaksi tanpa kebenaran melalui	RM25,000.00

	penggunaan suatu instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan atau saluran pembayaran seperti perbankan melalui Internet, perbankan bergerak, perbankan melalui telefon atau mesin juruwang automatik (ATM); atau (b) penggunaan tanpa kebenaran suatu cek sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 73 Akta Bil Pertukaran 1949 [Akta 204].	RM25,000.00
--	---	-------------

Dibuat 11 September 2015
 [BNM/JUN/1125/35/41; PN(PU2)717/II]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES
(FINANCIAL OMBUDSMAN SCHEME) REGULATIONS 2015

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Members of approved financial ombudsman scheme
4. Approval of financial ombudsman scheme
5. Obligations of scheme operator
6. Withdrawal or suspension of approval
7. Terms of reference of approved financial ombudsman scheme
8. Appointment of members of board of directors of scheme operator
9. Composition of board of directors of scheme operator
10. Responsibilities of board of directors of scheme operator
11. Duty to notify Bank
12. Duty to submit report to Bank
13. Publication of information
14. Amendment to constituent documents
15. Confidentiality
16. Directions to scheme operator
17. Co-operation with other dispute resolution bodies
18. Award
19. Independent review of approved financial ombudsman scheme

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES
(FINANCIAL OMBUDSMAN SCHEME) REGULATIONS 2015

